

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

**YBP 221/YBP 301 - Perancangan & Penilaian  
Kempen Komunikasi**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan TIGA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab DUA (2) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. ".....(K)egiatan pemasaran sosial (atau kempen informasi awam) menggunakan mekanisme kawalan sosial ..... untuk mencapai objektif perubahan sosial di mana objektif ini adalah dianggap sebagai baik bagi kepentingan individu atau sistem yang sedang diubah. ....(K)egiatan-kegiatan pemasaran sosial semestinya mengkompromi nilai dan kepentingan tertentu, khususnya kebebasan individu, untuk mempromosikan nilai dan kepentingan yang dianggap penting oleh organisasi yang menganjurkan kegiatan tersebut." (Charles T. Salmon, 1989:20).

Bincangkan kenyataan yang tersebut di atas dengan memberi hujah-hujah yang dapat menyangkal/membidas pandangan Salmon dan, seterusnya, menghuraikan kepentingan dan kegunaan kempen-kempen awam. Seberapa boleh, sandarkan jawapan anda kepada bahan-bahan bacaan yang telah dibaca dalam kursus ini.

(100 markah)

...2/-

2. Penyelidikan kualitatif dan kuantitatif masing-masing mempunyai kekuatan dan kelemahan. Namun, untuk memahami masalah sosial dan untuk merancang sesuatu kegiatan pemasaran sosial atau kempen, kita memerlukan campuran/adunan kedua-dua kaedah penyelidikan ini untuk menjalankan satu usaha yang lebih sistematik dan tersusun.

Bincangkan bagaimana kedua-dua penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dapat membantu merancang dan membentuk satu Kempen Pengembangan Strategik (atau SEC) yang baik. Anda boleh memulakan perbincangan dengan menyatakan mengapa pengumpulan "baseline" data adalah penting bagi perancangan dan pelaksanaan kempen.

(100 markah)

3. Bincangkan kelemahan model Kempen Pengembangan Strategik (SEC) yang dikemukakan oleh Ronny Adhikarya. Jawapan anda perlu diasaskan kepada perbandingan dengan satu atau dua model kempen komunikasi lain yang dibaca dalam kursus ini.

(100 markah)

-ooOoo-